

Pengukuhan pengaruh *People's Action Party* (PAP) terhadap politik Singapura, 1955-1959

Muhammad Naim Fakhirin

Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin

Correspondence: Muhammad Naim Fakhirin (email: naim_fakhirin@yahoo.com)

Received: 26 November 2024; Accepted: 28 February 2025; Published: 27 May 2025

Abstrak

Kajian ini membincangkan perkembangan politik Singapura pada awal 1950-an dengan memberi tumpuan terhadap parti politik utama iaitu PAP. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, PAP berjaya mengukuhkan kedudukan terhadap politik Singapura melalui strategi yang direncanakan dalam tempoh 1955-1959. Pilihan raya 1955 menjadi pemangkin terhadap penentuan PAP dalam politik Singapura. Manakala pilihan raya 1959 pula membuktikan kedudukan PAP sebagai parti paling berpengaruh di Singapura. Kajian ini ditulis dengan menggunakan sumber primer dari *National Archive*, Kew dan *National Archive Singapore* sebagai sumber utama penulisan. Selain itu, penulisan turut menggunakan akhbar *The Straits Times*, *Singapore Herald* dan Berita Harian yang diterbitkan dalam tempoh tersebut bagi mendapatkan kesinambungan dengan dokumen sumber primer tersebut. Dapatan hasil kajian ini merumuskan tiga faktor utama yang mempengaruhi PAP menguasai politik Singapura iaitu isu kempen, pemilihan kawasan yang ditandingi dan calon yang dipertaruhkan. Ketiga-tiga faktor ini menjadi penentu terhadap elemen utama terhadap perencanaan strategi politik PAP. Selain itu, kajian ini turut membuktikan kelangsungan parti politik yang bertanding pada pilihan raya dipengaruhi oleh ketiga-tiga faktor tersebut sebagai asas utama persaingan dalam pilihan raya.

Kata kunci: Kolonial, PAP, politik, pilihan raya, Singapura, strategi

The strengthening of the influence of the People's Action Party (PAP) on Singaporean politics, 1955-1959

Abstract

This research discusses the development of Singapore politics in the early 1950s by focusing on the main political party, PAP. Based on the study conducted, PAP succeeded in strengthening its position in Singapore politics through a strategy planned during the period 1955-1959. The 1955 election was the catalyst for PAP's determination in Singapore politics. Meanwhile, the 1959 election proved PAP's position as the most influential party in Singapore. This research was using primary sources from the National Archive, Kew and the National Archive Singapore as the main sources of writing. In addition, the writing also used *The Straits Times*, *Singapore Herald* and *Berita Harian* newspapers published during that period to obtain continuity with the primary source documents. The findings of this research summarize three main factors that influenced PAP's dominance in Singapore politics, namely campaign issues, the selection of contested areas and the candidates at stake. These three factors are determinants

of the main elements of PAP's political strategy planning. In addition, this research also proves that the survival of political parties contesting elections is influenced by these three factors as the main basis of competition in elections.

Keywords: Colonial, PAP, politics, election, Singapore, strategy

Pengenalan

Pasca Perang Dunia Kedua memperlihatkan perkembangan nasionalisme berlaku di Asia Tenggara, termasuk Singapura. Walaupun begitu, politik Singapura pada penghujung 1940-an dinaungi oleh politik Tanah Melayu kerana hubungan serumpun antara kedua-dua wilayah ini (Trocki & Barr, 2008). Sehubungan itu, parti politik yang ditubuhkan di Tanah Melayu seperti UMNO dan MCA turut mempunyai cawangan di Singapura (Mauzy & Milne, 2002). Parti politik berasaskan masyarakat tempatan di Singapura hanya bergerak secara aktif pada awal 1950-an (Mauzy & Milne, 2002). Antara parti politik tersebut di Singapura adalah Parti Progresif ditubuhkan pada 1947. Seterusnya adalah Barisan Buruh dan *People's Action Party* (PAP) yang ditubuhkan pada 1954 (Mauzy & Milne, 2002).

Penubuhan PAP menjadi signifikasi terhadap politik Singapura kerana budaya politik yang diterapkan oleh parti tersebut. Perkara ini merangkumi strategi yang direncanakan oleh kepimpinan parti itu dan mempengaruhi keputusan pilihan raya pada awal penyertaan PAP iaitu Pilihan Raya Dewan Perundangan 1955 (PRDP 1955) dan PRDP 1959. Pada 1955, PAP hanya menang tiga kerusi Dewan Perundangan (*Legislative Assembly*) meningkat kepada 43 kerusi pada 1959 (FCO 141/14994, 1959). Hal ini membuktikan kejayaan strategi yang dilakukan oleh PAP dalam usaha mengukuhkan kedudukan terhadap politik Singapura. Strategi yang dilakukan oleh PAP merangkumi tiga perkara utama iaitu kawasan yang ditandingi, calon yang dipertaruhkan dan isu tumpuan kempen. Ketiga-tiga faktor ini memainkan peranan utama terhadap keputusan yang diperoleh PAP, sekali gus membolehkan parti tersebut mengasaskan 'pasak' yang kukuh terhadap politik Singapura untuk tempoh yang panjang.

Tiga faktor ini merupakan elemen penting yang 'dijaga' oleh PAP pada kedua-dua pilihan raya tersebut. Lee Kuan Yew menyatakan kejayaan PAP bergantung terhadap kekuatan calon kerana perkara ini akan membawa imej parti untuk jangka masa yang panjang. Begitu juga dengan faktor kawasan yang ditandingi, beliau menyatakan pemilihan kawasan yang ditandingi akan membuktikan kawasan tersebut berupaya untuk memainkan peranan sebagai 'pengkalan politik' bagi mendapatkan sokongan (FCO 141/14994, 1959). Selain itu, isu untuk kempen oleh calon PAP membawa imej pemikiran pemimpin parti politik dan perkara ini menjadi faktor yang penting dalam usaha mendapatkan sokongan dari masyarakat (FCO 141/14994, 1959).

Perkara ini membezakan PAP dengan parti lain kerana kedua-dua pesaingnya iaitu LF dan Parti Progresif hanya tertumpu terhadap isu kempen yang dominan, iaitu ancaman komunis, sedangkan perangkaan strategi PAP merangkumi tiga faktor tersebut. Oleh itu ketiga-tiga faktor ini memainkan peranan utama terhadap sokongan, sekali gus membolehkan PAP mengasaskan 'pasak' kukuh terhadap politik Singapura untuk tempoh yang panjang. Justeru itu, ketiga-tiga faktor utama iaitu calon, isu tumpuan ini merupakan objektif utama perbincangan bagi memperlihatkan tindakan PAP melalui tiga faktor ini dalam usaha memenangi pilihan raya, sekali gus mengukuhkan kedudukan politik parti tersebut di Singapura.

Kajian literatur

Sungguhpun banyak kajian politik yang ditulis berkaitan dengan Singapura, namun aspek pengukuhan PAP dalam konteks pilihan raya masih longgar. Kebanyakan kajian hanya menumpukan kepada perkembangan parti secara naratif. Misalnya kajian oleh Kim Wah Yeo, *Political Development in Singapore, 1945-55* hanya membincangkan gerakan politik di Singapura secara umum tanpa memperincikan penglibatan parti dalam konteks pilihan raya. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Diane Mauzy dan Milne, *Singapore Politics Under the People's Action Party* serta kajian Pang Cheng Lian, *Singapore's People's Action Party Its History, Organization, and Leadership* yang membincangkan perkembangan PAP secara naratif. Oleh itu ketiga-tiga kajian ini tidak memperincikan faktor yang membolehkan PAP menguasai politik Singapura. Begitu juga kajian Shashi Jayakumar dan Olimpiu G. Urcan, *Singapore Chess: A History, 1945-1990* hanya membincangkan tindakan kepimpinan PAP, namun tidak memperincikan strategi yang direncanakan oleh pemimpin PAP, pada peringkat awal bagi menguasai politik negara ini. Kajian oleh Hong Liu dan Sin Kiong Wong, *Singapore Chinese Society in Transition: Business, Politics and Socio-economic Change: 1945-1965*, menyatakan masyarakat Cina di Singapura lebih tertumpu kepada perniagaan berbanding politik, namun aspek perbincangan adalah secara umum. Oleh itu kajian ini tidak membincangkan lebih lanjut mengenai pengukuhan PAP terhadap politik Singapura. Manakala kajian Hussin Mutalib, *Parties and Politics: A Studies of Opposition Parties and PAP in Singapore* turut membincangkan mengenai penglibatan politik PAP, namun tidak memperincikan penglibatan parti tersebut dalam konteks pilihan raya.

Dapatan kajian Sandy Kai Yi (2024), *Preserving the Partial: Understanding the Persistence of the People's Action Party Government in Democratic Singapore*, membincangkan mengenai kelangsungan politik PAP berdasarkan kepada sokongan semasa pilihan raya, namun begitu kajian ini tidak memperincikan faktor utama yang membolehkan PAP menang terhadap kerusi penting untuk parti itu. Selain itu, kajian oleh Eugene Tan (2023), *Singapore in 2023: Of Political Setbacks and Succession, Revitalizing the Middle Ground, and Keeping Spirits Up* turut membincangkan mengenai langkah dan tindakan kerajaan pimpinan PAP dalam usaha memastikan kuasa politik terus kukuh. Walau bagaimanapun, kajian ini membincangkan tindakan kerajaan PAP secara naratif, iaitu melibatkan dasar kerajaan terhadap ekonomi, namun tidak memperincikan strategi pemimpin PAP, terutamanya dalam konteks pilihan raya.

Walaupun begitu, dapatan kajian James Chin (2023), *The PAP Model: Can the 'Four Generation' hold on to power?* dan Kenneth Paul Tan, *Podcasting Politics in Singapore: Hegemony, Resistance, and Digital Media* sedikit berbeza berbanding kajian-kajian tersebut kerana kedua-dua kajian ini menyatakan kebergantungan PAP terhadap media baharu bagi mendapatkan sokongan pengundi dalam pilihan raya. Namun, kedua-dua kajian ini tidak memperincikan strategi oleh pemimpin PAP, bagi mendapatkan sokongan pada pilihan raya. Berdasarkan kepada perkara tersebut, kajian yang akan dilakukan membuat perincian terhadap penglibatan PAP dalam pilihan raya di Singapura melalui strategi utama parti iaitu pemilihan kawasan yang ditandingi, calon yang dipertaruhkan dan isu yang dijadikan kempen pada PRDP 1955 dan PRDP 1959. Perincian terhadap tindakan pemimpin PAP merungkaikan faktor utama yang membolehkan PAP mengasaskan 'tapak awal' parti tersebut, dalam usaha menguasai politik negara republik tersebut.

Sistem pilihan raya di Singapura 1948-1959

Sistem pilihan raya di Singapura merangkumi perubahan yang melibatkan dua fasa. Fasa pertama adalah pilihan raya yang dilakukan pada 1948-1951. Fasa pertama memperlihatkan

pilihan raya yang dilakukan tidak bersifat menyeluruh kerana jumlah kerusi yang dipertandingkan tidak melibatkan keseluruhan kawasan iaitu hanya enam kerusi yang dipertandingkan sebagai ahli Majlis Perundangan. Walaupun begitu, fasa pertama ini lebih kepada pengenalan terhadap proses demokrasi di negara ini (CO 1030/227, 1955). Berdasarkan kepada sistem pilihan raya yang 'terhad' ini, British memutuskan untuk melakukan perubahan terhadap pilihan raya Singapura untuk melibatkan seluruh masyarakat. Perubahan ini merupakan fasa kedua untuk pilihan raya bermula 1955.

Pada 17 September 1955, sebuah mesyuarat khas diadakan bagi membincangkan pilihan raya Singapura. Setiausaha Kolonial Singapura, William Goode (1953-1955) dan Gabenor Singapura, John Nicoll (1953-1955) bersetuju menubuhkan Dewan Perundangan (*Legislative Assembly*) bagi menggantikan Majlis Perundangan, jumlah kerusi ditambah kepada 25 dan parti yang menang dilantik sebagai Ketua Menteri pada 1955 (CO 1030/227, 1955). Goode menyatakan PRDP 1955 merupakan langkah pertama rakyat Singapura memilih pemimpin dan persediaan ke arah kerajaan sendiri (FCO 141/14444, 1952). Manakala Gabenor Singapura, John Nicoll menyatakan, pilihan raya ini menggunakan sistem *first past the post* seperti di United Kingdom, iaitu parti yang memenangi banyak kerusi akan membentuk kerajaan dan dilantik sebagai Ketua Menteri (FCO 141/14444, 1952)). Pilihan raya ini diuruskan oleh sebuah badan khas iaitu *Singapore Election Department* (ED).

Metodologi

Kajian yang dilakukan berkenaan pengukuhan PAP terhadap politik Singapura ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan dari jabatan pilihan raya Singapura iaitu *Election Department* (ELD) yang diperoleh daripada *Singapore National Archive*. Selain itu, kajian ini turut menggunakan sumber dari *National Archive*, Kew seperti *Colonial Office* (CO) dan *Foreign Office* (FO) bagi mendapatkan kesinambungan dari kajian yang dilakukan. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan politik di Singapura pada 1950-an. Melalui penggunaan sumber primer tersebut, data yang diperoleh adalah secara langsung dari individu yang terlibat. Misalnya fail FCO 141/14651, Singapore: Political Trends in Singapore mengandungi data yang melibatkan laporan British terhadap gerakan pemimpin politik tempatan seperti maklumat dan tempat kempen serta minit mesyuarat pejabat Gabenor. Laporan ini seterusnya diolah dan disesuaikan semula berdasarkan data yang diperoleh dari laporan ELD. Selain itu, kajian ini turut menggunakan akhbar Singapura yang diperoleh dari *Singapore National Archive* seperti Berita Harian, *Malaya Tribune*, *Singapore Herald* dan *The Straits Times* bagi mendapatkan gambaran sebenar situasi politik yang berlaku pada 1950-an.

Hasil kajian dan perbincangan

Setelah kajian ini menyemak sumber primer secara terperinci, berikut merupakan perincian dapatan yang diperoleh berdasarkan kepada pecahan analisis iaitu Penubuhan dan Persaingan PAP sehingga 1955, Strategi PAP pada PRDP 1955 dan 1959 berdasarkan kepada tindakan utama iaitu kerusi yang ditandingi, pemilihan calon dan pendekatan isu tumpuan kempen serta faktor pengukuhan PAP terhadap politik Singapura.

Penubuhan dan persaingan PAP sehingga 1955

Penubuhan PAP dikaitkan dengan persatuan pelajar universiti dari Singapura dan Tanah Melayu di London, *Malayan Forum* menerusi ahlinya Abdul Razak (Tun), Goh Keng Swee, Maurice Baker, Toh Chin Chye dan Lee Kuan Yew (CO 1022/196, 1953). Lee Kuan Yew mempelajari budaya politik masyarakat tempatan melalui persatuan tersebut dan pengalamannya sebagai penasihat undang-undang akhbar Utusan Melayu. Beliau mendapati perkembangan politik Singapura masih perlahan dan memerlukan sebuah parti baharu untuk menjaga kepentingan masyarakat (Tan Tai Yong, 2008).

Oleh itu pada 21 November 1954, Lee Kuan Yew dan rakan-rakannya dari *Malayan Forum*, Goh Keng Swee, Maurice Baker dan Toh Chin Chye mengadakan mesyuarat bagi menubuhkan PAP (CO 1030/316, 1956). Mesyuarat pertama ini turut mengumumkan kepimpinan parti iaitu Pengerusi Toh Chin Chye, Setiausaha Agung, Lee Kuan Yew dan Ahli Jawatankuasa Pusat yang terdiri dari Tan Wee Keng, Devan Nair, S. Sockalingam, Lee, Ong Eng Guan, Fong Swee Suan, Lee Gek Seng, Mofrandi bin Haji Mohd Noor, Toh Chin Chye, Ismail Rahim dan Chan Chiaw Thor. Rajah 1 menunjukkan senarai ahli PAP yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat pada 1954 (CO 1030/316, 1956). Cawangan PAP peringkat awal adalah Tanjong Pagar, Punggol-Tampines, Farrer Park, Bukit Panjang dan Bukit Timah. Selain itu, PAP berjaya merekrut seramai 791 orang ahli seumur hidup (CO 1030/316, 1956).

Walau bagaimanapun, terdapat dakwaan PAP ditubuhkan berdasarkan tajaan British. Akhbar *The Singapore Free Press* memuatkan artikel mengenai parti politik Singapura yang mendapat 'restu' British, termasuk PAP (FCO 141/14598, 1955). Perkara ini turut disuarakan oleh Presiden LF, David Marshall. Beliau menyatakan PAP ditubuhkan oleh British untuk meneruskan legasi penjajah (FCO 141/14598, 1955). Namun perkara ini dinafikan oleh Lee Kuan Yew, beliau menyatakan matlamat utama PAP adalah memerdekakan Singapura (CO 1030/316, 1956).



Sumber: Report of Singapore Politic, People's Action Party, Singapore, CO 1030/316, 1956

Rajah 1. Senarai ahli jawatankuasa pusat PAP 1954

Strategi PAP pada pilihan raya Dewan Perundangan Singapura, 1955

Jumlah kerusi LA yang dipertandingkan pada PRDP 1955 meningkat kepada 25 berbanding sembilan pada PRDP 1951. Rajah 2 menunjukkan kedudukan kerusi LA yang dipertandingkan di Singapura pada 1955. Kerusi ini dibentuk berdasarkan petempatan masyarakat yang berkembang hasil dari perdagangan sejak awal abad ke-18 (FCO 141/14854, 1957).

Berdasarkan kepada kepadatan penduduk ini, British membentuk garisan sempadan untuk kerusi LA yang dipertandingkan (FCO 141/14586, 1956). Selain itu, PRDP ini turut memperlihatkan PAP pertama kali merencanakan strategi melalui tiga perkara utama iaitu kerusi yang ditandingi, pendekatan isu dan calon yang dipertaruhkan.



Sumber: Singapore: design of a mace for the Legislative Assembly, FCO 141/14850

Rajah 2. Pecahan kerusi Dewan Perundangan Singapura pada pilihan raya 1955

Strategi kerusi ditandingi

Pada pilihan raya ini, PAP bertanding empat kerusi iaitu Bukit Timah, Farrer Park, Punggol-Tampines dan Tanjong Pagar. Lee Kuan Yew menyatakan, sasaran PAP pada pilihan raya ini adalah menempatkan ahli dalam Dewan Perundangan bagi menyuarakan masalah pendidikan dan ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat. Oleh itu empat kerusi yang ditandingi ini memadai berdasarkan situasi parti yang baharu ditubuhkan (FCO 141/14651, 1959). Selain itu, empat kerusi ini merupakan geografi pilihan raya penting kerana mempunyai penduduk yang padat. Jadual 1 membincangkan demografi pengundi pada empat kerusi LA yang ditandingi oleh PAP. Tanjong Pagar merupakan kerusi yang paling ramai pengundi iaitu 13,430 orang. Jumlah ini diikuti oleh Farrer Park, 12,242 orang, Bukit Timah, 9,173 orang dan Punggol-Tampines, 6,628 orang. Selain itu, purata demografi pengundi menunjukkan kerusi yang ditandingi oleh PAP ini didominasi oleh pengundi Cina iaitu di Tanjong Pagar 71.2 peratus. Seterusnya adalah Bukit Timah, 69.2 peratus, Punggol-Tampines 61.4 peratus dan Farrer Park, 57.5 peratus.

Jadual 1. Demografi pengundi kerusi yang ditandingi PAP, 1955

Kerusi Dewan Perundangan	Pengundi Cina	Pengundi Melayu	Pengundi India	Lain-lain	Jumlah
Bukit Timah	69.2% (6,347)	12% (1,102)	18.7% (1,716)	0.1% (8)	9,173
Farrer Park	57.5% (7,039)	16.9% (2,068)	25.5% (3,121)	0.1% (14)	12,242
Punggol-Tampines	61.4% (4,069)	19.6% (1,299)	18.9% (1,252)	0.1% (7)	6,627
Tanjong Pagar	71.2% (9,562)	8.3% (1,114)	20.4% (2,739)	0.1% (15)	13,430

Sumber: Singapore Legislative Council elections, CO 1030/227

Pemilihan kerusi membuktikan sasaran awal PAP adalah pengundi Cina. Situasi ini menunjukkan kebergantungan PAP terhadap sokongan masyarakat Cina sebagai kelangsungan politiknya (FCO 141/14651, 1959). Selain itu, pemilihan kawasan ini turut menunjukkan PAP berusaha mendapatkan sokongan dari masyarakat Cina kelas bawahan kerana rata-rata pengundi di empat kerusi tersebut adalah nelayan dan peniaga kecil-kecilan (FCO 141/14651, 1959). Secara asasnya, kerusi yang ditandingi oleh PAP ini membuktikan strategi parti menyasarkan kerusi LA yang diyakini boleh menang.

Strategi pemilihan calon

Strategi memilih calon yang berkaliber turut diutamakan oleh PAP dalam usaha parti memperoleh kemenangan. Calon yang dipertaruhkan oleh PAP ini memberi impak tinggi terhadap masyarakat khususnya (Tremewan, 2016). PAP memberi keutamaan terhadap latar pendidikan calon. Kesemua calon yang bertanding mempunyai latar pendidikan tinggi (Tremewan, 2016). Perkara ini membezakan PAP dengan parti lain dan menunjukkan PAP mengutamakan pendidikan calon sebagai imej untuk parti. Menurut Lee Kuan Yew, pendidikan calon PAP ini penting kerana mereka akan memimpin rakyat (FCO 141/17160, 1963).

Keutamaan latar belakang pendidikan calon oleh PAP ini dapat dilihat pada Lee Kuan Yew sendiri. Beliau mendapat pendidikan tinggi dari London dalam bidang undang-undang. Manakala calon untuk kerusi Farrer Park, Devan Nair memiliki latar belakang yang baik dari segi pendidikan iaitu bekas guru dan terlibat dengan aktif dalam kesatuan guru di Singapura (FCO 141/17160, 1963). Kedua-dua calon PAP ini menjadikan latar pendidikan tinggi sebagai pertaruhan untuk menang pilihan raya (Barr, 2014). Melalui perkara ini, PAP dilihat mengenengahkan kredibiliti pemimpin, sekali gus membawa perubahan terhadap politik Singapura.

Selain itu, PAP turut mempertaruhkan calon yang terdiri dari aktivis masyarakat tempatan. Sebelum PAP ditubuhkan, aktivis ini terlibat secara langsung dalam pelbagai kesatuan dan menjadikannya platform untuk mereka menyerlah (Barr, 2012). Oleh itu, mereka telah dikenali oleh masyarakat tempatan dan pencalonan mereka amat penting dalam usaha meraih undi (Aslah Akmal, Mohd Samsudin, 2016). Antara aktivitis yang dicalonkan PAP adalah Lim Chin Siong, iaitu merupakan pengasas PAP dan dianggap 'orang kanan' Lee Kuan Yew. Sebelum menyertai PAP, Lim Hon Siang terlibat dalam gerakan anti-British seperti Persatuan Liga Anti-British di Singapura (FCO 141/14784, 1959). Selain itu, Goh Chua Chew juga aktivis yang dicalonkan PAP dan terlibat dalam kesatuan pekerja kilang di Singapura. Lee Kuan Yew menyatakan kedua-dua calon ini merupakan pilihan masyarakat kerana terlibat dalam perjuangan lebih awal sebelum penubuhan PAP (FCO 141/17160, 1963). (FCO 141/17160, 1963).

Strategi pendekatan dan isu tumpuan oleh PAP

Antara isu popular oleh calon bertanding pada PRDP 1955 adalah ancaman komunis (Junaidi & Mazlan, 2014). Namun begitu, calon PAP membawa pendekatan berbeza iaitu kritikan terhadap Perlembagaan Rendel (FCO 141/17160, 1963). Perkara ini menjadikan politik PAP lebih ke hadapan berbanding parti lain dan mendapat perhatian meluas oleh rakyat Singapura (Sonny Yap, Richard Lim & Weng Kam Leong, 2009).

Perlembagaan Rendel merupakan perubahan perlembagaan yang dilakukan oleh British sebagai persediaan ke arah kemerdekaan. Tindakan ini dilakukan melalui suruhanjaya khas yang dibentuk dan diketuai oleh George Rendel, seorang pegawai diplomat British yang berpengalaman di Asia (Barr, 2012). Pemimpin PAP mengecam Perlembagaan Rendel dan

berpendirian menolak perlembagaan tersebut daripada digubal sebagai perlembagaan baharu Singapura kerana hak kebebasan masih dikawal British melalui klausa hal yang berkaitan dengan hubungan antarabangsa perlu melalui British (FCO 141/15096, 1959). Justeru itu, kempen oleh calon PAP terhadap isu Perlembagaan Rendel memperlihatkan parti tersebut lebih kehadapan berbanding parti lain kerana berjaya menyedarkan masyarakat mengenai rancangan 'separa merdeka' oleh British ini (FCO 141/15096, 1959).

Prestasi PAP pada PRDP 1955

Keputusan PRDP 1955 diumumkan secara rasmi pada 3 November 1955 merupakan kejutan kerana parti 'mesra British', Parti Progresif hanya menang empat kerusi sahaja. Parti yang diumumkan sebagai pemenang adalah LF yang berjaya menang 10 kerusi (*Reports of Legislative Election*, 1955). Ekoran kemenangan tersebut, Presiden LF, David Marshall dilantik sebagai Ketua Menteri Singapura yang pertama sekali gus melibatkan perubahan politik kepada *self-governing* yang diterajui oleh rakyat tempatan (FCO 141/15050, 1956).

Manakala PAP berjaya menang tiga daripada empat kerusi yang ditandingi (*Reports of Legislative Election* 1955). Kemenangan ini segera meraih perhatian akhbar utama. Misalnya *The Straits Times*, mereka memuatkan isu mengenai sokongan masyarakat tempatan terhadap PAP (*The Straits Times*, 1955). Manakala *Malaya Tribune* menanggapi kemenenangan Lee Kuan Yew sebagai peneroka 'era baharu' politik Singapura (*Malaya Tribune*, 1955).

Antara kerusi yang dimenangi oleh PAP adalah kerusi LA Tanjong Pagar. Kerusi ini 'kawasan panas' ekoran ditandingi pemimpin utama PAP, Lee Kuan Yew. Akhbar *The Straits Times* menyatakan, sekiranya Lee Kuan Yew tewas, maka PAP dianggap 'parti kecil', sekadar memenuhi kuota politik (*The Straits Times*, 1955). Lee Kuan Yew berjaya memenangi kerusi ini dengan majoriti 5,120 undi (*Reports of Legislative Election*, 1955). Beliau mendapat 6,029 undi, manakala pesaingnya Sim Seck Tiong dari Parti Progresif, memperoleh 908 undi dan Lam Thian dari Parti Demokratik memperoleh 760 undi (*Reports of Legislative Election*, 1955). Penguasaan undi sebanyak 78.3 peratus ini membuktikan politik yang dibawa oleh Lee Kuan Yew mendapat sokongan pengundi.

Selain itu, PAP berjaya memenangi kerusi LA Bukit Timah melalui Lim Chin Siong yang memperoleh 3,259 undi dan menewaskan Tan Wah Meng dari Parti Demokratik yang memperoleh 1,308 undi. Manakala dua lagi calon yang bertanding, A. Mitra dari LF memperoleh 924 undi dan S. Ho dari Parti Progresif memperoleh 722 undi (*Reports of Legislative Election*, 1955). Kemenangan dengan majoriti 1,951 undi ini membuktikan isu yang dibawa oleh Lim Chin Siong berjaya mendapatkan sokongan pengundi. Pilihan raya ini turut memperlihatkan PAP menang kerusi LA Punggol-Tampines dengan majoriti 1,209 undi melalui, Goh Chew Chua yang memperoleh 2,127 undi. Kerusi ini melibatkan persaingan tiga penjuror iaitu Anthony Goh dari Parti Demokratik memperoleh 918 undi (*Reports of Legislative Election*, 1955). Manakala A. De Silva dari Parti Progresif hanya memperoleh 796 undi. Berdasarkan kepada angka, PAP berjaya menguasai pengundi sebanyak 55.3 peratus dan perkara ini jelas membuktikan PAP mendapat sokongan jitu dari pengundi (*Reports of Legislative Election*, 1955).

Satu-satunya kerusi yang PAP tewas adalah LA Farrer Park. Keputusan memperlihatkan calon LF, A. R. Lazarous menang dengan majoriti tipis iaitu 366 undi. Manakala calon PAP, Devan Nair memperoleh 2,219 undi. Calon lain, Wee Sian Beng dari Parti Progresif memperoleh 1,784 undi dan calon BEBAS iaitu B. Unnithan 85 undi serta Kim Watt, 37 undi pengundi (*Reports of Legislative Election* 1955). Walaupun tewas di kerusi ini, namun PAP berjaya membuktikan kewibawaan calonnya kerana jumlah undi majoriti tipis dan membuktikan PAP berjaya memberi saingan sengit terhadap pihak lawan.

Berdasarkan kepada keputusan PRDP 1955 ini, PAP membuktikan penyertaan parti tersebut dalam pilihan raya ini selaku ‘underdog’, namun berjaya memberi saingan terhadap parti berpengaruh seperti LF dan Parti Progresif (*Singapore Standard*, 1955). Walaupun parti baharu, namun kehadiran PAP dalam pilihan raya ini berjaya memberi impak terhadap perkembangan politik Singapura. Isu yang dibawa oleh calon PAP, seperti penentangan terhadap Perlembagaan Rendel membuktikan parti ini lebih kehadapan berbanding parti lain (FCO 141/17160, 1963). Justeru itu, kemenangan tiga calon utama ini membolehkan PAP mempunyai suara di Dewan Perundangan dan perkara ini membawa dimensi baharu terhadap politik Singapura.

Penglibatan PAP dalam pilihan raya Dewan Perundangan 1959

Selaku Ketua Pembangkang, Lee Kuan Yew mengkritik David Marshall gagal memerdekakan Singapura (*Singapore Herald*, 1956). Dalam tempoh 1955-1956, David Marshall ke London bagi mendapatkan kemerdekaan, namun gagal atas alasan komunis masih berleluasa (FCO 141/15050, 1956). Kegagalan ini menyebabkan David Marshall meletakkan jawatan Ketua Menteri dan digantikan oleh Lim Yew Hock. Bagi mengukuhkan kedudukan politik, Lim Yew Hock menubuhkan *Singapore Peoples Alliance* (SPA) yang terdiri dari LF dan Parti Sosialis Liberal (FCO 141/15044, 1956). Namun pentadbiran Lim Yew Hock turut dikaitkan dengan rasuah iaitu perbelanjaan Majlis Perbandaran yang tinggi (FCO 141/15264, 1958). Keadaan politik yang tidak stabil ini diambil peluang oleh PAP melalui tiga strategi utama iaitu pemilihan kawasan bertanding, calon yang dipertaruhkan dan pendekatan isu kempen. Walaupun begitu, ketiga-tiga strategi ini berbeza berbanding pilihan raya sebelumnya dan mempengaruhi secara langsung keputusan yang diperoleh PAP pada PRDP 1959.

Pemilihan kawasan bertanding oleh PAP

Peningkatan populariti menyebabkan PAP menjadi satu-satunya parti yang bertanding di semua kerusi termasuk kerusi majoriti pengundi Melayu iaitu Geylang Serai, Kampong Kembangan, Pasir Panjang dan Siglap (FCO 141/15298, 1956). Tindakan PAP bertanding di kerusi majoriti pengundi Melayu ini membuktikan parti tersebut berusaha menonjolkan parti itu terbuka untuk semua kaum di Singapura (CO 1030/651, 1959). Lee Kuan Yew menyatakan, PAP bertanding di kerusi majoriti pengundi Melayu bagi membentuk Singapura yang bebas dari perkauman (*The Straits Times*, 1959).

Disamping itu, pilihan raya ini turut memperlihatkan sasaran PAP menubuhkan kerajaan apabila parti itu turut bertanding di semua kerusi majoriti pengundi Cina iaitu Anson, Bras Basah, Bukit Merah, Bukit Panjang, Bukit Timah, Crawford, Delta, Geylang West, Havelock, Hong Lim, Jalan Besar, Jalan Kayu, Jurong, Kreta Ayer, Nee Soon, Paya Lebar, Queenstown, Rochore, Tampines, Tanjong Pagar, Thomson, Tao Payoh, Ulu Pandan dan Upper Serangoon (*Reports of Legislative Election*, 1959). Kerusi majoriti pengundi Cina memainkan peranan sebagai ‘sumber utama’ sokongan untuk PAP dan mempunyai pengundi Cina melebihi 50 peratus. Kerusi yang mempunyai pengundi Cina paling tinggi adalah Tanjong Pagar iaitu sebanyak 72.4 peratus. Seterusnya adalah Hong Lim iaitu 69.2 peratus dan Kreta Ayer iaitu 62.7 peratus. Manakala purata pengundi Cina bagi kerusi yang lain ditandingi oleh PAP pada pilihan raya ini ialah 51 peratus (*Reports of Legislative Election*, 1959). Berdasarkan kepada jumlah tersebut, PAP berupaya untuk menubuhkan kerajaan hanya melalui sokongan pengundi Cina sahaja. Oleh itu pada pilihan raya ini, sasaran utama PAP adalah mendapatkan sokongan penuh daripada pengundi Cina selain berusaha menembusi sokongan masyarakat Melayu di Singapura (CO 1030/651, 1959).

Strategi calon oleh PAP

PRDP 1959 memperlihatkan strategi PAP terhadap calon berbeza berbanding pilihan raya lalu. Pada pilihan raya ini, PAP mempertaruhkan calon berbangsa Melayu dan India bagi memenangi lebih banyak kerusi (Barr, 2014). Selain itu, strategi PAP terhadap calon turut melibatkan muka baharu dalam politik Singapura (FCO 141/17160, 1963).

Seramai enam orang calon berbangsa Melayu yang dipertaruhkan oleh PAP untuk bertanding iaitu Baharudin Mohamed Ariff di LA Anson, Yaacob Mohamed di LA Bukit Timah, Mohamed Ismail di LA Geylang East, Ahmad Ibrahim di LA Sembawang, Mohd Ariff Suradi b di LA Ulu Pandan dan Sahorah Ahmat bertanding di LA Siglap (Reports of Legislative Election 1959). Selain itu, PAP turut mencalonkan bangsa India untuk bertanding iaitu Sellapa Ramaswamy yang bertanding di LA Bukit Merah (*Reports of Legislative Election*, 1959). Kepelbagaian bangsa yang bertanding melalui tiket PAP ini, membuktikan PAP berusaha membuang persepsi parti itu hanya untuk kaum Cina semata-mata (CO 1030/651, 1959). Tindakan kepelbagaian bangsa sebagai calon ini menunjukkan strategi politik PAP berbeza dan mengatasi strategi parti lain pada pilihan raya ini (Barr, 2014).

Selain itu, strategi calon oleh PAP turut melibatkan individu yang popular dalam kalangan rakyat tempatan. Perkara ini merupakan strategi PAP untuk menyediakan platform politik dan memperlihatkan keterlibatan parti dalam aktivis masyarakat. Lee Kuan Yew menyatakan, aktivis politik yang mempunyai pengikut yang ramai memerlukan sebuah wadah perjuangan khusus bagi menyebarkan usaha politik tersebut (*The Straits Times*, 1959). Misalnya Ahmad Ibrahim dicalonkan PAP bertanding di LA Sembawang kerana beliau mempunyai pengikut yang ramai (FCO 141/15298, 1956). Begitu juga dengan Hoe Puay Choo yang dicalonkan bertanding di LA Bras Basah, merupakan aktivis yang memperjuangkan gaji dan bayaran setimpal kepada pekerja kilang di Singapura. (FCO 141/15298, 1956).

Pilihan raya ini turut memperlihatkan strategi PAP menonjolkan ramai calon muka baharu yang untuk bertanding atas tiket parti tersebut bagi memastikan parti tersebut kekal relevan dalam kalangan masyarakat di Singapura (Junaidi & Mazlan, 2014). Seramai 47 orang calon muka baharu yang dipertaruh oleh PAP dari berlainan latar belakang (FCO 141/17160, 1963). Calon muka baharu ini melibatkan golongan wanita seperti Sahorah Ahmat, Oh Su Chen, Fung Yin Ching, Chan Choy Siong dan Ho Puay Choo (*Reports of Legislative Election*, 1959). Lee Kuan Yew menyatakan, gabungan calon sedia ada dengan calon baharu ini amat penting untuk PAP menonjolkan budaya politik kemajuan masyarakat yang dibawa oleh parti tersebut (*The Straits Times*, 1959).

Isu tumpuan kempen oleh calon PAP

Pilihan raya ini memperlihatkan politik di Singapura lebih tertumpu terhadap isu global iaitu ancaman komunis. Isu ini telah dijadikan kempen oleh parti politik yang bertanding di Singapura (Barr, 2014). Sungguhpun demikian, calon-calon dari PAP lebih mengutamakan isu kemerdekaan Singapura. Isu ini merupakan perkara yang diperjuangkan oleh PAP sejak PRDP 1955 dan diteruskan pada PRDP 1959 (FCO 141/17160, 1963). Lee Kuan Yew jelas tidak berpuas hati dengan perubahan yang melibatkan Perlembagaan Singapura dilakukan oleh British pada 1958 kerana hanya melibatkan perubahan taraf Singapura daripada koloni kepada negeri British (FCO 141/15096, 1959).

Isu kemerdekaan ini dapat dilihat pada Lim Yew Hock yang bertanding di LA Cairnhill menyatakan Singapura perlu merdeka dari British supaya ekonomi dan pendidikan dapat diseragamkan untuk semua kaum (*The Straits Times*, 1959). Manakala Ong Eng Guan calon LA Hong Lim menyatakan kerajaan PAP yang dibentuk kelak akan memastikan

Singapura mendapat kemerdekaan yang penuh supaya dapat menentukan dasar pentadbiran sendiri (*The Straits Times*, 1959).

Walaupun terdapat juga parti lain yang menjadikan isu kemerdekaan ini sebagai kempen utama, seperti SPA dan UMNO, namun strategi ini jelas didominasi oleh PAP (FCO 141/14651, 1959). Perkara ini yang menjadikan PAP berbeza dengan parti lain. UMNO misalnya, sekadar menjadikan isu ini sebagai kempen, manakala calon PAP, terutamanya pemimpin tertinggi seperti, Lee Kuan Yew dan Toh Chin Chye membentangkan cadangan merdeka pada manifesto parti, *The Task Ahead*. Mereka menyatakan kesediaan untuk menggubal semula Perlembagaan Singapura supaya adil untuk semua masyarakat (CO 1030/651, 1959). Oleh hal demikian, isu kemerdekaan Singapura yang dibawa oleh calon PAP ini lebih jelas berbanding calon dari parti lain.

Selain itu, calon PAP turut berkempen mengenai kesediaan untuk bekerjasama dengan pemimpin Tanah Melayu. Perkara ini menunjukkan kerajaan yang akan dibentuk oleh PAP berbeza dengan kerajaan pimpinan SPA, Lim Yew Hock. Setiausaha Agung PAP, Lee Kuan Yew menyatakan hubungan Singapura dan Tanah Melayu adalah 'hubungan istimewa' dan kedudukan ini tidak boleh dipisahkan melalui sempadan politik (FCO 141/17160, 1963). Beliau turut menyatakan sekiranya kedua-dua kerajaan ini bekerjasama, ekonomi Asia akan didominasi oleh Singapura dan Tanah Melayu, sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan rakyat (FCO 141/17160, 1963).

Berdasarkan kepada kempen oleh calon PAP tersebut, perkara ini menjadi satu garis pemisah yang membezakan PAP dan parti politik lain di Singapura. PAP lebih mengutamakan kemerdekaan untuk Singapura, manakala pesaing utama, SPA lebih memberi penekanan terhadap aspek ancaman komunis. Pendekatan isu ini menjadi faktor PAP meningkatkan sokongan untuk mengukuhkan kedudukan terhadap politik Singapura.

Prestasi PAP pada pilihan raya 1959

Pilihan raya ini memperlihatkan situasi berbeza apabila peratusan keluar mengundi meningkat kepada 90.7 peratus berbanding 50.6 peratus pada PRDP 1955 (Reports of Legislative Election 1959). Pada pilihan raya ini, PAP berjaya memenangi 43 kerusi dari 51 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan ini membolehkan PAP menubuhkan kerajaan dengan lebih kukuh kerana parti itu memenangi kerusi melebihi majoriti dua per tiga (*Reports of Legislative Election*, 1959). Kemenangan ini membolehkan Lee Kuan Yew dilantik sebagai Ketua Menteri Singapura yang baharu dan akhbar tempatan seperti Berita Harian menyifatkan kemenangan ini bermulanya era 'Singapura Baharu' (Berita Harian, 1959).

Kemenangan besar yang dicapai oleh PAP membuktikan pengukuhan politik parti itu. Perkara ini dapat dilihat melalui kemenangan yang diperolehi PAP dengan majoriti yang besar iaitu melebihi 55 peratus undi. Pada pilihan raya ini sebanyak 24 kerusi yang dimenangi oleh PAP dengan majoriti yang selesa iaitu Toa Payoh, Hong Lim, Kreta Ayer, Nee Soon, Tampines, Rochore, Tanjong Pagar, Jurong, Delta, Geylang West, Telok Ayer, Crawford, Kampong Glam, Havelock, Bras Basah, Jalan Besar, Jalan Kayu, Bukit Timah, Paya Lebar, Anson, Bukit Merah, Sepoy Lines, Bukit Panjang dan Chua Chu Kang (Reports of Legislative Election 1959).

Berdasarkan kepada senarai kerusi tersebut, kemenangan besar ini, malah turut melibatkan kawasan bandar yang menjadi 'kubu politik' SPA (*Reports of Legislative Election*, 1959). Misalnya di Bukit Panjang, PAP menang dengan majoriti selesa iaitu 3,662 undi sedangkan pada PRDP 1955 Parti Progresif memperoleh 72.4 peratus undi dan menang majoriti 5,264 undi (Reports of Legislative Election 1959). Kemenangan dengan majoriti selesa oleh PAP terhadap 'kubu' pesaingnya membuktikan penerimaan masyarakat terhadap parti tersebut (Vasil, 2010).

Selain itu, kejayaan PAP mendominasi politik Singapura turut dilihat berdasarkan kemenangan kerusi penting di kawasan luar bandar, terutamanya di kerusi campuran. Kerusi campuran ini merupakan kerusi yang mempunyai nisbah peratus pengundi hampir sama dan ditentukan oleh undi dari kumpulan minoriti (Reid, 2010). Antara kerusi tersebut ialah Kampong Glam, Anson, Bukit Merah, Kallang, Ulu Pandan, Geylang East, Telok Blangah, Aljunied, Stamford, Serangoon Gardens dan Queenstown. Misalnya di Kampong Glam, PAP menang dengan majoriti 4,577 undi. Manakala di Anson, PAP menang dengan majoriti 3,292 undi dan di Queenstown, PAP menang dengan majoriti 1,569 undi (*Reports of Legislative Election*, 1959). Kemenangan PAP pada kerusi campuran menunjukkan sokongan yang diperoleh parti tersebut adalah daripada semua lapisan masyarakat di Singapura tanpa mengira kaum (Vassil, 2010).

Walaupun begitu, terdapat kerusi yang dimenangi oleh PAP dengan majoriti tipis. Keputusan ini dapat dilihat di Moulmein, Pasir Panjang, Punggol, River Valley dan Upper Seranggon. Di River Valley, PAP hanya menang dengan majoriti lima undi, di Upper Seranggon, PAP hanya menang dengan majoriti 125 undi, di Punggol, PAP hanya menang 417 undi, di Pasir Panjang, PAP menang dengan majoriti 239 undi dan di Moulmein, PAP hanya menang dengan majoriti 369 undi sahaja (*Reports of Legislative Election*, 1959). Kerusi yang dimenangi PAP dengan majoriti tipis ini merupakan 'kubu politik', SPA. Walau bagaimanapun, kemenangan yang berjaya dicapai oleh PAP ini di kerusi ini menunjukkan sokongan rakyat terhadap PAP semakin meningkat walaupun menang dengan majoriti tipis.

Disamping itu, PRDP 1959 memperlihatkan PAP tewas pada lapan kerusi iaitu Cairnhill, Farrer Park, Geylang Serai, Joo Chiat, Kampong Kembangan, Mountbatten, Southern Island dan Tanglin. Kekalahan pada kerusi ini melibatkan persaingan dari pelbagai parti. Misalnya kekalahan di kerusi Cairnhill, Joo Chiat, Mountbatten dan Tanglin melibatkan persaingan dengan SPA. Manakala kekalahan di Geylang Serai, Kampong Kembangan dan Southern Island melibatkan persaingan dengan UMNO. Kekalahan di Farrer Park melibatkan persaingan dengan calon BEBAS (*Reports of Legislative Election*, 1959). Faktor utama yang menyebabkan PAP tewas adalah kawasan ini merupakan pusat gerakan politik pesaingnya. Misalnya di Kampong Kembangan dan Geylang Serai, PAP gagal bersaing dengan UMNO kerana kawasan ini merupakan kawasan majoriti pengundi Melayu dan terdiri dari ahli UMNO (Vassil, 2010). Kegagalan PAP bersaing di kerusi yang mereka tewas ini disebabkan oleh calon pihak lawan merupakan individu popular di kawasan tersebut.

Faktor Pengukuhan PAP terhadap politik Singapura

Keputusan PRDP 1959 memperlihatkan kedudukan PAP semakin berpengaruh di Singapura. Faktor utama yang membolehkan PAP mendominasi politik Singapura adalah menonjolkan politik matang melalui tiga strategi utama yang dilakukan iaitu pemilihan calon, kawasan yang ditandingi dan isu untuk kempen. Politik matang adalah politik tidak melibatkan unsur negatif atau tohmahan fitnah yang dilakukan, sebaliknya hanya bekerja mengikut dasar dan manifesto parti (Lee Kuan Yew, 2012). Lee Kuan Yew berjaya menonjolkan imej bersih PAP melalui tiga strategi utama itu. Misalnya isu kempen oleh kesemua calon PAP yang bertanding sejak dari PRDP 1955 sehingga PRDP 1959 adalah mengenai kemerdekaan di Singapura. Kesemua calon menyatakan Singapura perlu merdeka bagi melaksanakan dasar negara mengikut acuan sendiri, terutamanya terhadap perkara yang melibatkan sosial. (Berita Harian, 1959). Melalui kempen seperti ini, pengundi melihat PAP cekap dalam memperjuangkan hak untuk mereka, sekaligus membantu PAP menang besar iaitu 43 dari 51 kerusi yang dipertandingkan pada PRDP 1959 (Berita Harian, 1959).

Kesimpulan

Secara konklusinya, PRDP 1959 memperlihatkan PAP bertapak kukuh terhadap politik Singapura. Tiga strategi utama yang direncanakan berjaya mempengaruhi masyarakat menyokong PAP, sekali gus mendominasi politik Singapura. Peningkatan pengaruh ini jelas apabila keputusan yang dicatat PAP pada PRDP 1959 jauh berbeza berbanding PRDP 1955. Keputusan pilihan raya ini membuktikan PAP mendominasi politik negara ini setelah undi popular parti tersebut jauh menjangkalkan pesaing yang lain. PAP berjaya menjadikan politik Singapura sebagai politik dinamik melalui politik matang dan perkara ini menjadi penanda aras yang membezakan pendekatan politik dibawa oleh PAP berbanding parti politik lain, termasuk pesaing utama mereka iaitu SPA. Hal ini membuktikan, tiga strategi utama tersebut menyebabkan PAP berada satu langkah dihadapan berbanding parti lain dan perkara ini membantu PAP mengukuhkan kedudukan politiknya di Singapura.

Rujukan

- Barr, D. (2012). *Cultural Politics and Asian Values*. Taylor & Francis Inc.
- Barr, D. (2014). *The Ruling Elite of Singapore: Networks of Power and Influence*. Institute of Southeast Asia.
- Berita Harian. (1959, May 31). Perarakan2 menyambut kejayaan, PAP na' jumpa Gabnor.
- CO 1022/196. (1953). Activities of Malayan Forum.
- CO 1030/227. (1955). Singapore Legislative Council Elections.
- CO 1030/316. (1956). People's Action Party, Singapore.
- CO 1030/651. (1959). Internal Political Situation in Singapore.
- Eugene, T. (2024). Singapore in 2023: Of political setbacks and succession, revitalizing the middle ground, and keeping spirits up. *Journal Southeast Asian Affairs*, 263-279.
- FCO 141/14444. (1952). Singapore: Legislative Council; Increase in the Number of Elected Members.
- FCO 141/14586. (1956). Singapore: Political Reports.
- FCO 141/14598. (1955). Singapore: Local Political Parties.
- FCO 141/14651. (1959). Singapore: Political Trends in Singapore.
- FCO 141/14784. (1959). Singapore: 'Petir' (Organ of the People's Action Party).
- FCO 141/14854. (1957). Singapore: Legislative Assembly; Composition and Elections.
- FCO 141/14994. (1959). Singapore: Legislative Assembly Elections, May 1959.
- FCO 141/15044. (1956). Changeover from David Marshall's Government to Lim Yew Hock's Government.
- FCO 141/15050. (1956). David Marshall's Constitutional Discussions; London talks, December 1955.
- FCO 141/15096. (1959). Singapore: Introduction of the new Constitution.
- FCO 141/15264. (1958). Miscellaneous Reports of Corruption in Singapore.
- FCO 141/15298. (1956). Singapore: Political Intelligence.
- FCO 141/15298. (1956). Singapore: Reports of Political Intelligence.
- FCO 141/17160. (1963). Singapore: Activities of the People's Action Party.
- Hong, L., & Sin, K. W. (2004). *Singapore Chinese Society in Transition: Business, Politics and Socio-economic Change, 1945-1965*. Peter Lang Publishers.
- Hussin, M. (2004). *Parties and Politics: A Studies of Opposition Parties and PAP in Singapore*. Marshall Cavendish.

- James, C. (2023). The PAP model: Can the 'Four Generation' Hold on to Power?, *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs and Policy Studies*, 112(2), 107-110.
- Junaidi, A. B., & Mazlan, A. (2014). Dari Barisan ke Pakatan: Berubahnya Dinamiks Pilihan Raya Umum Kuala Lumpur 1955-2013. *Geografia-Malaysian Journal of Society*, 10(4), 83-98.
- Kenneth, P. T. (2025). Podcasting Politics in Singapore: Hegemony, resistance, and digital media. *Critical Asian Studies*, 1-25.
- Kim, W. Y. (1973). *Political Development in Singapore, 1945-55*. Singapore University Press.
- Kim, W. Y. (1973). *Political Development in Singapore, 1945-55*. Singapore University Press.
- Kroef, M. (1967). *Communism in Malaysia and Singapore a Contemporary Survey*. Springer Inc.
- Lee, K. Y. (2012). *From Third World to First: The Singapore Story, 1965-2000*. Marshall Cavendish.
- Malaya Tribune. (1955, November 6). What's Lee Kuan Yew PAPs Got?
- Mauzy, K., & Milne, S. (2002). *Singapore Politics Under the People's Action Party*. Taylor & Francis Inc.
- Muhammad Aslah, A. A., & Mohd Samsudin. (2016). Singapura dan pengaruh luar menjelang perang dunia pertama. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 40-48.
- Pang Cheng, L. P. (1971). *Singapore's People's Action Party Its History, Organization, and Leadership*. Oxford University Press.
- Raj Vasil. (2010). *Asianising Singapore: The PAP's Management of Ethnicity*. Heinemann Publishers.
- Reid, A. (2010). *Imperial Alchemy, Nationalism and Political Identity in Southeast Asia*. Cambridge University Press.
- Reports of Legislative Election. (1955). Singapore Election Department.
- Reports of Legislative Election. (1959). Singapore Election Department.
- Sandy, K. Y. (2024) *Preserving the Partial: Understanding the Persistence of the People's Action Party Government in Democratic Singapore*. Chicago University Press.
- Shashi Jayakumar & Urcan. G. (2017) *Singapore Chess: A History, 1945-1990*. World Scientific Publishing Pte. Ltd.
- Singapore Herald. (1956, Mac 17). Labour Front Must Keep It Up.
- Singapore Standard. (1955, April 5). PAP's Lee challenge CM Marshall.
- Sonny, Y., Richard, L., & Weng, K. L. (2009). *Men in White: The Untold Story of Singapore's Ruling Political Party*. Singapore Press Holdings.
- Suhana, S., Ali, S, Novel, L., Selvadurai, S, Zaimah, R., Azima, A. M., & Mohd Yusof , H. (2012). Krisis Politik Melayu dan Pembinaan Negara Bangsa. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(9), 39-45.
- Tan, T. Y. (2008). *Creating "Greater Malaysia" Decolonization and the Politics of Merger*. Institute of Southeast Asian Studies.
- The Straits Times. (1959, April 17). Malay Votes are Valuable!.
- The Straits Times. (1959, April 21). Lee Kuan Yew Still Want 'The Task Ahead'.
- The Straits Times. (1959, Mac 22). PAPs Confident the People are on Side.
- The Straits Times. (1959, April 29). What's Candidate Have?.
- The Straits Times. (1955, November 5). PAPs Lee Kuan Yew Must Win.
- The Straits Times. (1955, Mac 14). PAP Bring New Dimension?.

- Tremewan, C. (2016). *The Political Economy of Social Control in Singapore*. Palgrave MacMillan.
- Trocki, A., & Barr, D. (2008). *Paths Not Taken: Political Pluralism in Post-war Singapore*. NUS Press.
- Yuen, B., & Hamnett, S. (2019). *Planning Singapore: The Experimental City*. Taylor & Francis Inc.
- Zawiyah, M. Z. (2021). Budaya politik masyarakat melayu: Satu analisis. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 17(1), 297-311.